

(29 Mei 2021) Harian Metro 1p-11

8,290 KES: REKOD BARU

Kuala Lumpur: Jumlah kes terbaru Covid-19 mencatatkan jumlah tertinggi semalam dengan 8,290 kes menjadikan keseluruhannya 549,514 kes.

Ketua Pengarah Kesihatan Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, Selangor masih lagi merekodkan kes harian tertinggi dengan 2,075 kes diikuti Kelantan dengan 851 kes dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebanyak 830 kes.

Katanya, beberapa negeri turut merekodkan kes harian yang tinggi iaitu Johor dengan 762 kes, Sarawak 698 kes manakala Kedah pula sebanyak 544 kes.

"Sebanyak 520 kes dilaporkan di Negeri Sembilan dan 421 kes dilaporkan di Pulau Pinang.

"Perak merekodkan 405 kes manakala Melaka 380 kes," katanya menerusi Facebook, semalam.



PETUGAS kesihatan lengkap dengan pemakaian peralatan perlindungan peribadi (PPE) siap sedia menjalankan tugas menguruskan pesakit Covid-19 di Jabatan Kecemasan dan Trauma Hospital Putrajaya, semalam.

PETUGAS barisan hadapan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) di Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRO) Universiti Malaysia Pahang (UMP) ketika tinjauan, kelmarin. PKRC UMP akan dibuka untuk menerima pesakit yang berisiko rendah bermula Khamis ini.



50 PERATUS SAHAJA



PENUMPANG bas mematuhi prosedur operasi standard (SOP) pemakaian pelitup muka dan mengamalkan penjarakan fizikal semasa beratur untuk menaiki bas ketika tinjauan di Jalan Munshi Abdullah di ibu kota, semalam. Kerajaan melalui Majlis Keselamatan Negara (MKN) baru-baru ini mengumumkan semua pengangkutan awam hanya dibenarkan membawa lima puluh peratus penumpang sahaja daripada kapasiti asal susulan langkah lebih ketat dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0.